

SELAYANG PANDANG KAJIAN VARIASI DIALEK MELAYU BERASASKAN KAEDAH TRADISI DAN MODEN

SHAHIDI A.H.*

Universiti Kebangsaan Malaysia
zedic@ukm.edu.my

MOHAMAD FIRDAUS AZAHARUDDIN

Universiti Kebangsaan Malaysia
firdausazahar94@gmail.com

RAHIM AMAN

Universiti Kebangsaan Malaysia
tuntas@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Makalah ini menyajikan sejumlah maklumat mengenai penyelidikan variasi dialek Melayu yang berkesinambungan sejak awal merdeka sehinggalah masa kini. Secara deskriptif, makalah ini bertujuan untuk menyerlahkan hakikat perubahan kaedah penelitian dialek yang bermula secara tradisi sehingga menganjak kepada pengaplikasian teknologi moden khususnya spektrograf dan GIS (*Geographical Information System*). Sejumlah kosa ilmu penyelidikan varian bahasa Melayu dimanfaatkan sepenuhnya dalam penulisan makalah ini. Dapatan penyelidikan-penyelidikan berkenaan lantas menjadi bahan utama perbincangan dalam makalah ini. Kaedah pemilihan penulisan penyelidikan lepas (bahan yang digunakan dalam perbincangan) justeru, tertakluk kepada sifat penyelidikannya yang terarah kepada pemerian varian dialek Melayu. Makalah ini berjaya membuktikan bahawa pemerian aspek dialektologi Melayu telah menunjukkan perubahan yang cukup dinamik sifatnya. Kelenturannya dalam menerima anjakan perubahan kaedah penelitian daripada bersifat tradisi dan impresionistik kepada kaedah yang lebih tuntas, saintifik dan berteknologi tinggi ternyata mampu membentuk senario kajian varian dialek Melayu yang lebih menarik dan berwibawa. Penulisan ini diharapkan mampu menjana minat dan kesungguhan para penyelidik dialek Melayu khususnya golongan penyelidik muda agar keunikan dan keindahan varian bahasa Melayu tetap terus diperhatikan, diperhalusi dan seterusnya diangkat sebagai warisan bangsa Melayu yang tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas.

Kata kunci: akustik, dialek Melayu, kaedah tradisional, variasi dialek, GIS.

A REVIEW ON TRADITION AND MODERN METHODS OF MALAY DIALECT VARIATION STUDIES

ABSTRACT

This paper presents a number of information about Malay dialect variation studies that has continued since the beginning of Malaysia Independence until the present day. This paper aims to descriptively highlight the fact of the change in dialect research methods that started traditionally until moving to the application of modern technology, especially using spectrographs and GIS (Geographical Information System). A number of previous researches on Malay variant is fully utilized in this paper. The findings of these researches then become the main discussion material in this paper. The selection method of past research writing (the material used in the discussion) is therefore subject to the nature of the research which is directed to the description of Malay dialect variants. This paper successfully proves that the study of Malay dialectology has shown quite dynamic changes in nature. His flexibility in accepting the change in research methods from being traditional and impressionistic to more thorough, scientific and high-tech methods turned out to be able to form a more interesting and authoritative Malay dialect variant study scenario. This writing is expected to be able to generate the interest and earnestness of Malay dialect researchers, especially young researchers, so that the uniqueness and beauty of the Malay language variant will continue to be noticed, refined and then raised as a heritage of the Malay nation that does not age in rain or heat.

Keywords: acoustics, Malay dialect, traditional method, dialect variation, GIS.

PENDAHULUAN

Kajian dialek Melayu telah lama diusahakan oleh para pengkaji sama ada dari dalam mahupun luar negara. Nama-nama seperti Asmah Hj. Omar, Farid M. Onn, Nik Safiah Karim, J. T Collins, B. Northofer, dan K.A Adelaar (sekadar membaris beberapa nama) bukanlah suatu yang asing bagi para penyelidik Melayu. Kajian-kajian lepas yang dijalankan lebih terarah kepada memerihalkan kewujudan variasi Bahasa Melayu khususnya variasi dialek Melayu.

Variasi dialek Melayu dalam makalah ini merujuk kepada kepelbagaian bentuk pertuturan dialek Melayu oleh penutur Melayu di Malaysia. Kepelbagaian bentuk ini sangat berhubung erat dengan sempadan isoglos yang menandai perbezaan antara satu dialek dengan dialek lain. Misalnya, antara dialek Melaka dengan dialek Negeri Sembilan. Sempadan ini tidak terbatas oleh garis sempadan politik, misalnya antara Negeri Melaka dengan Negeri Sembilan, atau antara Negeri Terengganu dengan Negeri Kelantan. Variasi pertuturan dialek dalam daerah Alor Gajah (Melaka) masih terangkum dibawah isoglos dialek Negeri Sembilan, manakala variasi pertuturan dialek dalam daerah Besut (Terengganu) pula masih terangkum dibawah isoglos dialek Negeri Kelantan.

Variasi dialek juga berhubung erat dengan kewujudan elemen seperti subdialek. Dalam hal ini, batas persamaan dan perbezaan linguistik antara subdialek subdialek bagi sesebuah dialek juga mewarnai fenomena variasi pertuturan. Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa variasi pertuturan ini juga mampu ditandai oleh elemen nonlinguistik seperti demografi dan fisiologikal penutur. Kerencaman elemen dan faktor yang mewujudkan variasi pertuturan ini

justeru melahirkan bentuk pendekatan serta kaedah yang berbeza-beza dalam memeri persoalan variasi dialek.

Hakikatnya, kaedah kajian dialek Melayu sebelum ini adalah lebih bersifat tradisional atau ringkasnya kaedah tradisi. Konsep kaedah tradisi yang dimaksudkan di sini ialah kajian dialektologi Melayu selama ini memanfaatkan kaedah penelitian varian dialek secara manual untuk menghasilkan sebuah pemetaan geodialek. Bagaimanapun, sering dengan arus perkembangan teknologi semasa maka fenomena persebaran varian dialek yang berlaku dalam sesebuah kawasan kajian atau ruang lingkup kawasan geografi diperihalkan secara tepat dengan menggunakan perisian teknologi terkini misalnya Sistem Informasi Geografi atau dalam Bahasa Inggeris disebut sebagai Geographical Information System (GIS). Kaedah ini dinamakan dalam makalah ini sebagai kaedah moden. Kaedah moden telah dimanfaatkan sepenuhnya pada masa kini dalam kajian geografi dialek kerana keupayaannya menghasilkan peta dialek yang tepat, berdigital, moden dan berkontemporari.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Penelitian ke atas variasi dialek Melayu telah agak meluas dijalankan oleh para pengkaji terdahulu. Pelbagai kaedah mahupun pendekatan dalam bidang linguistik lapangan diterapkan ke atas data lapangan. Berikut dipersembahkan sebahagian penulisan yang relevan dan signifikan dalam kajian dialek Melayu khususnya di Malaysia.

Kajian Dialektologi Melayu

Hakikatnya, setiap individu penutur sesuatu kawasan lazimnya akan menuturkan bahasa daerahnya dengan cara yang berbeza dengan penutur di daerah lain. Perbezaan antara bahasa daerah atau yang dikenali sebagai dialek-dialek inilah yang telah menarik perhatian para pengkaji bahasa. Perbezaan-perbezaan dialek ini telah menjadi satu tugas penting kepada ahli-ahli dialektologi untuk meneliti dengan lebih mendalam mengenai penyebaran dan perkembangan sesuatu dialek tersebut.

Perbandingan dialek antara dialek, sama ada dari aspek fonologi, leksikal, morfologi, sintaksis dan sebagainya menjadi perhatian utama ahli dialektologi. Dengan hal demikian maka ilmu dialektologi melibatkan penelitian tatabahasa dialek, baik tatabahasa sesuatu dialek tertentu atau pun tatabahasa perbandingan dan sejarawi. Ahli dialektologi juga berusaha menghasilkan peta dialek, iaitu peta yang menunjukkan persebaran ciri-ciri linguistik yang membolehkan perbandingan antara dialek serta perbandingan linguistik sejarah.

Secara umumnya, Dialektologi merupakan satu bidang kajian dalam ilmu Linguistik yang mengkaji tentang dialek. Dialektologi merupakan kajian dialek yang memerihalkan kepelbagaian varian sesuatu dialek berdasarkan aspek fonologi, morfologi, leksikal, sintaksis dan semantik. Seperti bidang ilmu lain Dialektologi turut mempunyai beberapa sub disiplin lain dibawahnya mengikut kepada peredaran zaman dan mendasari cara pandangan orientalisnya. Maka setiap disiplin itu pasti pernah dipelopori oleh orientalis terdahulu mengikut perkembangan dunia ilmu linguistik terutamanya dalam bidang Dialektologi. Oleh itu, tahap-

tahap dalam perkembangan Dialektologi boleh dibahagi kepada empat jenis (Ajid & Farid, 1993):

- i. Dialektologi tradisional ataupun dialek geografi
- ii. Dialektologi struktural
- iii. Dialektologi generatif
- iv. Dialektologi sosial/bandaran

Kesemua disiplin-disiplin yang dinyatakan di atas mempunyai tahap kelainan dan perbezaan yang tersendiri dalam meneliti bahasa. Kelainan ini dapat dilihat melalui perbezaan objektif, matlamat, teori dan metode. Hasil dapayan kajian dialektologi adalah hasil usaha yang dibangkitkan oleh para pengkajinya, yang mengkaji secara sistematis tentang perbezaan-perbezaan yang wujud dalam pelbagai dialek dan cuba menghubungkaitkan dengan daerah pemakainya. Hal ini sama dengan pandangan Chambers dan Trudgill (1990) yang menegaskan bahawa dialek-dialek di pinggir sesuatu kawasan geografis mungkin tidak bersifat saling faham, namun dialek-dialek ini berhubung kait antara satu dengan lain oleh satu rangkaian saling kefahaman.

Collins (1993) telah menghuraikan tiga tugas utama ahli dialektologi. Pertama, dialektologi melibatkan kajian leksikal dan penyusunan kamus dialek, baik kajian kosa kata sesuatu dialek mahupun kamus bandingan antara beberapa dialek atau perbandingan dengan bahasa purba yang pernah menurunkan dialek-dialek itu. Kedua, dialektologi adalah kajian tatabahasa dialek, baik tatabahasa sesuatu dialek tertentu atau pun tatabahasa komparatif dan historis. Terakhir, dialektologi menghasilkan atlas dialek, iaitu kumpulan peta yang menunjukkan persebaran ciri-ciri linguistik dan membolehkan perbandingan antardialek serta perbandingan linguistik sejarah. Oleh hal yang demikian, jelas bahawa tugas seorang ahli dialektologi merupakan tugas yang penting dan berat, kerana menitikberatkan perbandingan dialek antara dialek baik dari aspek fonologi, leksikal, morfologi, sintaksis dan sebagainya.

Sifat kajian dialektologi boleh dibahagikan kepada dua iaitu sama ada berbentuk sinkronik (deskriptif) atau berbentuk diakronik (perbandingan sejarawi). Menurut Ajid (2006) matlamat utama yang harus diterapkan dan dipenuhi dalam menghasilkan kajian yang bersifat sinkronis ini adalah seperti berikut:

1. Mendeskripsikan varian atau perbezaan unsur-unsur kebahasaan yang terdapat dalam dialek yang dikaji. Perbezaan ini mencakupi bidang fonologi dan leksikon. Deskripsi perbezaan fonologi mencakupi juga perbezaan fonetik seterusnya juga akan melihat proses fonologi yang berlaku.
2. Setelah memperolehi segala data tentang pelbagai varian bahasa dari beberapa aspek yang ingin diteliti, seperti fonologi, dan leksikon, langkah seterusnya dilakukan dalam dialektologi adalah memetakan varian atau unsur perbezaan tersebut ke atas peta kawasan atau daerah kajian. Matlamatnya adalah untuk menentukan kawasan mana yang menggunakan varian A, dan kawasan mana yang menggunakan varian B.
3. Matlamat yang seterusnya berdasarkan distribusi atau penyebaran pelbagai varian dari segi fonologi dan leksikon adalah menentukan kampung mana atau kawasan mana yang

terangkum dalam dialek atau subdialek A dan kampung atau kawasan mana yang terangkum dalam dialek atau subdialek B. Jarak yang jauh antara dua kawasan penempatan yang pada asalnya menggunakan dialek yang sama boleh menjadi faktor kepada timbulnya perbezaan penggunaan bentuk linguistik. Semakin jauh jarak petempatannya semakin sukar interaksi dan semakin lama semakin banyak varian yang ditemui antara kedua-duanya.

4. Setelah ciri linguistik yang berbeza atau varian yang diteliti dalam sesuatu kawasan dipetakan mengikut kampung atau tempat yang menggunakannya dan kawasan penggunaannya dibataskan melalui isoglos, langkah yang seterusnya adalah memberikan huraian atau deskripsi berdasarkan kesamaan dan perbezaan yang menandakan atau yang membezakan sesuatu dialek atau subdialek, misalnya dialek A dengan dialek B.

Secara ringkasnya, dapatlah ditegaskan di sini bahawa suatu kajian dialek yang bersifat sinkronik perlu memanfaatkan kajian mengenai pendeskripsian tentang aspek-aspek kebahasaan tertentu seperti fonologi, leksikon, morfologi, semantik dan sebagainya, bagi varian yang digunakan di sesuatu kawasan. Seterusnya, kajian ini juga menerapkan ilmu pemetaan perbezaan atau varian dialek tersebut mengikut lokasi yang menggunakannya. Kemudian, pengkaji juga tidak lari dalam menentukan sama ada perbezaan-perbezaan atau varian yang wujud di sesuatu lokasi itu dapat mengelompokkan kepada sesuatu dialek atau merupakan suatu subdialek dan yang terakhir, adalah membuat suatu deskripsi secara menyeluruh tentang ciri-ciri kebahasaan yang khusus bagi sesuatu dialek atau subdialek atau membuat perbezaan antara dialek atau subdialek lain.

Penelitian variasi dialek Melayu di Malaysia pada masa kini semakin mendapat tempat dalam kalangan ahli akademik bahasa. Antara usaha awal mendeskripsikan dan mengelompokkan dialek Melayu yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan juga di Kepulauan Borneo telah dilakukan oleh Ismail (1973) dan Asmah (1977). Ianya kemudian dilanjutkan lagi oleh pengkaji-pengkaji seperti Ajid (1985), Collins (1987), Nothofer (1997), Jaludin (2002), Yusriadi (2007), Rahim (2008), Mohd. Ali (2015) dan Habibah (2019). Hakikatnya, lebih ramai tokoh bahasa yang menjalankan aktiviti penyelidikan dialek di Kepulauan Borneo berbanding di Semenanjung Malaysia. Dengan kata lain, walaupun terdapat pelbagai variasi dialek di Malaysia namun usaha dialektologi di bahagian Semenanjung pada peringkat awalnya agak kurang diberi perhatian jika dibandingkan dengan penumpuan ahli bahasa di kawasan Kepulauan Borneo.

Sepertimana yang dinyatakan terdahulu, terdapat pelbagai variasi dialek bahasa Melayu di Malaysia. Di semenanjung Malaysia sahaja lebih daripada lima jenis dialek utama yang merangkumi dialek Melayu Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, dan Terengganu. Kesemua dialek Melayu yang dinyatakan ini mempunyai ciri-ciri khas linguistik tersendiri yang mana ciri-ciri linguistik yang boleh didapati dalam setiap dialek itu memberikan perbezaan dengan dialek Melayu yang lain. Hal yang berbeza itu adalah yang melibatkan ciri-ciri fonologi, morfologi, sintaksis dan leksikal dalam sesebuah dialek Melayu tersebut.

Selaras dengan perkembangan ilmu pengkajian dialek di Malaysia, pemanfaatan ilmu multidisiplin iaitu yang melibatkan teknologi moden seperti GIS dan akustik sememangnya memberikan satu lembaran baharu terhadap bidang ilmu Dialektologi. Ilmu bidang geografi dialek secara tradisional yang selama ini pernah dilakukan oleh ahli-ahli linguistik terdahulu,

sudah mengalami transformasi atau perubahan mengikut perkembangan teknologi pada masa kini. Kajian-kajian dialek pada masa kini berusaha menghasilkan dapatan kajian yang lebih sahih, meluas dan mendalam.

PEMERIAN FONETIK AKUSTIK DALAM KAJIAN DIALEK MELAYU

Kajian fonetik dialek Melayu terdahulu lebih kepada bertujuan untuk membantu memerihalkan sistem bunyi bahasa Melayu khususnya dalam aspek fonologi atau morfologi. Secara umumnya, mereka tergolong dalam kelompok impresionistik. Kajian impresionistik sering digunakan memandangkan kepada keterbatasan peralatan dan perisian suatu ketika dahulu. Tidak dapat dinafikan kajian impresionistik mempunyai ciri-ciri tersendiri serta merupakan *pioneer* dalam perkembangan pembelajaran bahasa. Malah, sehingga kini pendekatan kaedah ini masih relevan dan dijadikan rujukan oleh para sarjana.

Pada dasarnya, kajian fonetik yang biasa diaplikasikan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu impresionistik dan eksperimental. Kedua-dua pendekatan ini diaplikasikan oleh para sarjana apabila membahaskan isu permasalahan pembelajaran, masalah pertuturan serta kepelbagaian variasi dalam ujaran. Kajian-kajian lepas yang dijalankan hingga kini ternyata lebih bersifat impresionistik iaitu melibatkan persepsi auditori dan artikulatori. Hal ini bagaimanapun, ternyata semakin berubah seiring dengan arus perkembangan teknologi semasa yang lebih memanfaatkan kaedah makmal. Pengaplikasian kaedah makmal ini turut terserlah dalam kajian variasi ujaran khususnya dialek. Berikut diperlihatkan sebahagian daripada kajian-kajian berkenaan.

ACOUSTIC CUES TO WORD-INITIAL STOP LENGTH IN PATTANI

Makalah yang ditulis oleh Arthur S. Abramson (2003) ini merupakan kajian yang melihat nilai bagi hentian kepanjangan isyarat akustik dialek Melayu Pattani pada awal kata. Beliau membincangkan topik ini berdasarkan kepada sorotan kajian yang telah dijalankan. Kajian lepas menunjukkan semua bunyi konsonan awal kata bagi dialek Melayu Pattani boleh didengari termasuklah bunyi plosif tidak bersuara dan ianya berkait rapat dengan tempoh sekatan (CD). Tempoh sekatan (CD) merupakan isyarat pembeza yang penting dalam pengujaran suku kata pertama.

Kajian ini juga melihat penghasilan amplitud dan frekuensi fundamental (F0), didapati kedua-duanya mempunyai nilai dan keputusan yang sama bagi kedua-dua konsonan. Beliau mengatakan kepelbagaian nilai amplitud ini mempunyai kesan yang signifikan tetapi masih tidak dapat menjelaskan persepsi mengenai nilai hentian kepanjangan konsonan masyarakat Melayu Pattani. Kepanjangan nilai konsonan ini mempengaruhi maksud bagi sesuatu kata yang ingin diujarkan oleh penutur masyarakat Pattani. Dalam dialek Melayu Pattani untuk menyatakan sesuatu perkara berbentuk lebih awal mereka akan menggunakan kepanjangan bunyi konsonan ini. Contohnya, dalam kata [pagi] untuk menyatakan pada awal pagi ujaran disebut sebagai [p:agi] iaitu sebutan konsonan /p/ di awal kata dipanjangkan. Selain itu, didapati pasangan kata bagi konsonan ini nilai F0 dan amplitudnya tidak berubah walaupun ianya mengalami penyempitan dan dan sekatan dalam pengujaran.

Selain itu, hasil daripada kajian ini juga didapati nilai amplitud dan F0 bertentangan dengan nilai tempoh sekatan dan hal ini tidak mampu menjelaskan persilangan persepsi yang ditimbulkan oleh pengkaji pada peringkat awal penulisan ini. Namun begitu, bagi konsonan frikatif dan nasal pula mengalami hal yang sebaliknya iaitu nilai F0 dan amplitud serta nilai tempoh sekatan persilangan persepsi bagi konsonan-konsonan ini berjaya dilihat seperti yang dikehendaki walaupun terdapat perbezaan dari segi tempoh sekatan dan penyempitannya.

PENGARUH DIALEK DALAM PERTUTURAN BAHASA MELAYU STANDARD: PENCERAKINAN BUNYI BERASASKAN SPEKTROGRAM

Makalah ini yang merupakan penulisan Shahidi A.H & Rahim Aman (2010), lebih bertujuan menunjukkan kewujudan pengaruh dialek, khususnya dialek Melayu Kelantan dalam bahasa Melayu standard yang dituturkan penutur natif Kelantan. Dalam kajian ini kedua-dua pengkaji berusaha untuk mengenal pasti pola penasalan yang diteliti berasaskan analisis spektrografi. Kajian ini memfokuskan analisis posisi suku kata akhir perkataan sasaran yang dituturkan oleh penutur Melayu Kelantan ketika bertutur, khususnya dalam dua konteks yang berbeza sama ada ketika penutur berbahasa Melayu standard dan tidak standard (dialek Kelantan).

Analisis spektrograf dalam kajian ini bertujuan melihat perubahan ciri fonetik bunyi vokal dan konsonan pada lingkungan suku kata akhir. Pemerhatian tersebut merujuk kepada sama ada frekuensi formant vokal [a] pada lingkungan suku kata akhir kekal atau berubah kepada [ε], dan sama ada isyarat-isyarat akustik bunyi konsonan nasal akhir kata terbukti kekal atau hilang. Pengkaji menyatakan bahawa dari segi kesahihan kajian fonetik menunjukkan terdapatnya perbezaan pola penasalan dialek Melayu Kelantan dan bahasa Melayu standard. Namun, hasil kajian yang diperoleh menunjukkan bukti yang berbeza iaitu pola penasalan dialek Melayu Kelantan dan bahasa Melayu standard tidak mempunyai sebarang perbezaan. Pengkaji menyatakan ciri-ciri dialek Melayu Kelantan cukup kuat mempengaruhi pertuturan dalam bahasa Melayu standard oleh penutur bahasa Melayu Kelantan.

PEMERIAN AKUSTIK BUNYI FRIKATIF UVULAR SUBDIALEK KEDAH PERSISIRAN

Pemerian Akustik Bunyi Frikatif Uvular Subdialek Kedah Persisiran adalah hasil penulisan Jasmin & Shahidi (2016). Ia memerihalkan variasi konsonan frikatif uvular /ʀ/ dalam dialek Kedah yang direalisasikan sama ada sebagai [ʀ], [ʀ̥] atau [ʀ̥̥]. Penulisan ini berusaha memperbaharui penemuan kajian tentang bunyi frikatif uvular [ʀ] dengan cara mengaplikasikan pendekatan fonetik akustik. Maklumat data bunyi bahasa dalam bentuk akustik diserlahkan menerusi kaedah analisis spektrograf. Data bunyi bahasa dalam bentuk spektrogram adalah bersumberkan ujaran penutur subdialek Kedah persisiran yang merupakan salah satu varian bagi dialek Kedah.

Mereka telah membuktikan di sini bahawa penggunaan frikatif uvular bersuara [ʀ] benar-benar wujud dalam ujaran penutur natif dialek Melayu Kedah. Hakikat ini berupaya diketengahkan dengan pendekatan yang baru iaitu pendekatan fonetik akustik. Oleh kerana tidak terdapat kajian-kajian di barat yang benar-benar mengkhusus kepada penelitian frikatif uvular ini, maka dengan itulah penulis berusaha mahu mewujudkan satu bentuk kajian rintisan terhadap bunyi tersebut. Dengan menggunakan sampel rakaman ujaran yang mengandungi

bunyi sasaran oleh ahli fonetik Inggeris, penulis menjadikannya sebagai sandaran bagi merujuk ciri akustik bunyi yang dikaji iaitu bacaan frekuensi formant (Hz).

PENELITIAN AKUSTIK DATA UJARAN DIALEK KEDAH

Penulisan yang dihasilkan oleh Shahidi et al (2020) ini bertujuan meneliti perbezaan akustik bunyi plosif bilabial yang wujud dalam dialek Kedah menerusi pendekatan Fonetik Akustik. Berdasarkan kaedah analisis spektrogram, data spektrogram yang dianalisis telah mempamerkan ciri-ciri akustik bunyi plosif yang diujarkan oleh penutur dialek Kedah. Isyarat akustik bagi bunyi plosif merangkumi Masa Mula Suara, Tempoh Sekatan, Penyuaran Sewaktu Sekatan, Tempoh Kepanjangkan Vokal dan Palang Suara. Masa mula suara dalam kajian fonetik akustik terbahagi kepada tiga kategori iaitu Penyuaran Tertunda Panjang (LVL), Penyuaran Tertunda Singkat (SVL) dan Penyuaran Awal (VLd).

Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa dialek Kedah tergolong dalam kelompok bahasa yang memiliki sistem bunyi plosif SVL vs. VLd sama seperti bunyi bahasa Melayu standard. Di samping angkuh Masa Mula Suara (VOT), kajian ini turut mengesahkan beberapa isyarat akustik lain yang mampu untuk menyerlahkan bunyi plosif dalam dialek Kedah iaitu Penyuaran Sewaktu Sekatan dan Tempoh Sekatan. VOT ternyata amat berpeda untuk digunakan dalam membezakan antara bunyi plosif bersuara dan juga bunyi plosif tak bersuara di posisi awal dan tengah kata dalam dialek Kedah dan juga bahasa Melayu standard. Analisis akustik menunjukkan bahawa dialek Kedah dan Bahasa Melayu standard tidak mempunyai perbezaan ketara pada bunyi plosif bilabial bersuara atau tidak bersuara, walaupun masih menampakkan sedikit perbezaan pada nilai VOT.

PEMANJANGAN KONSONAN DALAM DIALEK MELAYU PATANI

Penulisan oleh Shahidi & Mumad (2021) ini bertujuan memerihalkan aspek pemanjangan konsonan (satu konsonan yang diartikulasikan secara berganda) dalam dialek Melayu Patani secara akustik. Ciri akustik yang dimanfaatkan sepenuhnya dalam pemerian pemanjangan konsonan plosif awal kata dalam dialek Melayu Patani ini ialah Masa Mula Suara (VOT) dan Intensiti. Lima orang penutur dialek Melayu Patani (lelaki berumur dalam lingkungan 35 – 50 tahun dari daerah Muang wilayah Pattani) dimanfaatkan bagi memperoleh sejumlah 300 token yang seterusnya dimanfaatkan dalam analisis spektrogram.

Hasil dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa walaupun wujud konsonan panjang, ia spesifik pada bunyi yang tertentu sahaja. Hanya bunyi plosif bersuara sahaja yang kelihatan bertepatan dengan konsep konsonan panjang. Penelitian lanjut secara lebih mendalam menggunakan angkuh intensiti akhirnya menyerlahkan perbezaan ciri antara konsonan berkenaan dan pasangannya bagi bunyi plosif tak bersuara. Kajian ini turut menunjukkan bahawa fenomena pemanjangan konsonan dalam dialek Melayu Patani ini melibatkan unsur suprasegmental. Unsur pemanjangan dan penekanan adalah bersifat fonemik, sekaligus bersifat suprafiks. Bunyi plosif awal kata dialek Melayu Patani boleh sama ada bersifat suprafiks atau non-suprafiks. Kajian ini memberi implikasi penting kepada penelitian bahasa yang serumpun dan bahasa Melayu standard yang diguna pakai sebagai bahasa kedua oleh sesetengah

kelompok masyarakat di Thailand, sekaligus, dapat membantu pengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi penguasaan bahasa kedua oleh penutur bukan natif.

DIALEK PERAK VARIAN KUALA KANGSAR: SATU PEMERIAN FONETIK AKUSTIK

Perbincangan penulisan Norhaniza et al. (2021) ini tertumpu kepada hasil analisis realisasi kontras penyuaran bunyi plosif /p,b,t,d,k,ɣ/ di awal kata yang terkandung dalam pertuturan dua orang informan berlainan jantina yang berasal dari Kg. Luat, Lenggong di Perak. Dapatan awal menunjukkan bahawa dialek Melayu-Patani Lenggong (dMPL) memiliki bunyi plosif tak bersuara bercirikan *Short Voicing Lead* dan bunyi plosif bersuara bercirikan *Voicing Lead*. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa realisasi kontras penyuaran dMPL bersamaan dengan kajian Bahasa Melayu sebelum ini, tetapi bertentangan dengan Bahasa Inggeris yang tergolong dalam kategori Long Voicing Lead vs. Short Voicing Lead. Pengkaji menegaskan bahawa kajian realisasi kontras penyuaran bunyi plosif di awal kata dMPL ini adalah satu kajian bersifat rintisan yang masih memerlukan kajian lanjutan yang lebih berwibawa dengan meneliti lebih banyak faktor-faktor sosial dalam penghasilan bunyi plosif penutur dMP di kawasan yang lebih luas cakupannya, iaitu daerah Hulu Perak.

DIALEK PERAK VARIAN KUALA KANGSAR: SATU PEMERIAN FONETIK AKUSTIK

Penulisan yang dikemukakan oleh Shahidi, Nurul Huda dan Rahim (2021) ini bertujuan menyerlahkan kewujudan perbezaan akustik dalam bunyi plosif bilabial, alveolar dan velar tidak bersuara dan bersuara dalam Dialek Perak dengan menggunakan pendekatan Fonetik Akustik. Data kajian merupakan dialek yang diujarkan oleh penutur natif di Kampung Sayong, Kuala Kangsar. Jumlah token yang digunakan dalam kajian ini adalah sebanyak 2400 token bagi bunyi plosif pada posisi awal kata dan 2400 lagi pada tengah kata.

Menerusi kaedah analisis spektrogram, data spektrogram yang dianalisis dalam kajian ini telah menyerlahkan ciri-ciri akustik bagi bunyi plosif tersebut. Keistimewaan pendekatan Fonetik Akustik akan menyerlahkan isyarat akustiknya untuk sesuatu penganalisan. Isyarat akustik bagi bunyi plosif adalah merangkumi masa mula suara (Voice Onset Time) pada posisi awal kata dan tempoh masa mula suara (Closure Duration) pada posisi tengah kata. Masa mula suara terbahagi kepada tiga kategori iaitu penyuaran tertunda panjang (Long Voicing Lag), penyuaran tertunda singkat (Short Voicing Lag) dan penyuaran awalan (Voicing Lead). Hasil kajian telah menunjukkan bahawa Dialek Perak varian Kuala Kangsar tergolong dalam kelompok bahasa yang mempunyai sistem bunyi plosif penyuaran tertunda singkat (SVL) bersamaan penyuaran awalan (VLd) yang juga sama seperti bahasa Melayu standard.

KAEDAH AKUSTIK DALAM MENDEPANI CABARAN PENCERAKINAN DIALEK MASA KINI

Pemahaman kita terhadap pertuturan menemukan kita dengan hakikat bahawa setiap bunyi bahasa memiliki ciri-ciri akustik yang berbeza antara satu sama lain, dan ia amat diperlukan dalam proses penangkapan tuturan. Berdasarkan pemahaman kita terhadap analisis spektrograf, maka sukar untuk kita menolak kenyataan bahawa manusia menanggapi atau menginterpretasi bahasa lisan berdasarkan beberapa maklumat akustik tertentu. Maklumat-maklumat atau penanda-penanda khusus ini boleh dikenal pasti dan dipelajari menerusi spektrogram bunyi-bunyi bahasa. pemahaman kita terhadap analisis spektrograf pula membantu kita memahami dengan lebih mendalam tentang bunyi bahasa dalam tuturan dan gelombang-gelombangnya. ilmu ini amat berguna untuk tujuan penelitian variasi dialek,

PENCERAKINAN KONTRAS SUARA

Penanda suara/tak bersuara ini merujuk kepada aperiodik sahaja. Bunyi-bunyi periodik khususnya vokal dirujuk hanya sebagai bunyi-bunyi bersuara. Penanda-penanda akustik bagi konsonan bersuara terletak pada jeda masa dan juga penentuan masa berlakunya/terjadinya/penghasilan bunyi berkenaan secara relatif. 'Jeda masa' di sini merujuk pada talun bunyi mula hingga talun penutup bagi hasilan satu-satu bunyi bahasa (*voice bar*) misalnya jeda masa getaran bagi bunyi-bunyi geseran. Untuk bunyi-bunyi hentian pula, ia bergantung pada penentuan masa terjadinya sesuatu aktiviti penyaringan oleh artikulator tertentu di rongga mulut dan kerongkong.

Bunyi konsonan (bunyi hentian, geseran, dan letusan) tidak bersuara mempunyai jeda masa yang panjang dan begitulah sebaliknya. Dalam hal ini, bunyi hentian tidak bersuara dikenal pasti dengan merujuk pada jangka masa antara waktu ledakan dan permulaan bunyi selanjutnya yang secara relatifnya lebih panjang berbanding dengan bunyi hentian bersuara. Pada hakikatnya, F1 yang muncul dari garisan dasar merupakan penanda konsonan tidak bersuara dan begitulah sebaliknya.

Jeda masa sesuatu bunyi konsonan akan menjadi lebih lama/panjang (dalam spektrogram ia dilihat sebagai lebih lebar) sekiranya berlaku aktiviti penghalangan/penutupan terusan udara di kerongkong atau rongga mulut. Ini termasuklah period penutupan selaput pepita suara (selaput suara berkeadaan hampir rapat atau rapat), dan penutupan/halangan laluan udara oleh lidah atau bibir.

PENCERAKINAN CARA ARTIKULASI

Bunyi-bunyi bahasa yang hadir tanpa bunyi-bunyi bising akan tergambar dalam spektrogram sebagai bunyi berkala atau 'periodik' (Borden et al., 1994). Tanpa kehadiran bunyi-bunyi bising maka akan jelaslah kelihatan jalur-jalur spektra hitam yang berturutan secara harmoni. Jalur-jalur ini adalah talun-talun yang wujud hasil dari getaran selaput pepita suara. Jalur hitam ini juga akan wujud lebih jelas di kawasan tertentu yang dikenali sebagai formant bunyi. Kejelasan jalur hitam ini juga adalah disebabkan ketinggian amplitud gelombang bunyi berkenaan. Amplitud yang tinggi adalah lambang/ciri bunyi-bunyi yang nyaring.

Manakala bunyi-bunyi bahasa yang hadir bersama bunyi-bunyi bising sepertimana yang tergambar dalam spektrogram dikenali sebagai bunyi tak berkala atau 'aperiodik' (Borden et al., 1994). Bunyi-bunyi bahasa yang bersifat aperiodik memperlihatkan jalur-jalur spektranya hadir secara rawak dan tidak teratur. Jaluran yang menggambarkan talunan hasil dari getaran selaput pepita suara ini agak sukar dilihat berbanding dengan jalur -jalur dalam bunyi periodik yang lebih jelas dan teratur.

Jaluran dalam bunyi periodik lebih jelas (lebih hitam tertera dalam spektrogram) kerana getaran pita suara yang konsisten dan kuat berbanding dengan bunyi aperiodik yang mempunyai jaluran yang tidak teratur dan kurang jelas akibat dari getaran pita suara yang tidak konsisten dan lemah. Justeru kerana hakikat getaran pita suara yang sedemikian maka bunyi periodik menggambarkan ciri-ciri kelompok bunyi yang lebih nyaring dan jelas iaitu bunyi-bunyi vokal, separuh vokal (termasuk juga bunyi sisian [λ] dan getaran [ρ]), diftong, dan nasal. Manakala bunyi-bunyi aperiodik diklasifikasikan sebagai menggambarkan bunyi-bunyi hentian, geseran, dan letusan.

PENCERAKINAN DAERAH ARTIKULASI

Maklumat-maklumat akustik yang boleh dirujuk sebagai penanda-penanda daerah artikulasi secara khususnya terletak pada apa yang dinamakan frekuensi (corak akustik atau *pattern* yang dirujuk sebagai frekuensi dalam spektrogram). Keadaan frekuensi formant-formant yang kelihatan dalam spektrogram khususnya formant pertama (F1) dan formant kedua (F2) amat berkait erat dengan penghasilan setiap satu bunyi-bunyi tuturan. Unsur-unsur gelombang bunyi di F1 dan F2 merupakan penanda utama yang merujuk kepada penjenisan satu-satu bunyi vokal, diftong, nasal, dan juga semi vokal. Bagi bunyi-bunyi hentian, geseran dan letusan pula, penanda akustiknya terletak pada setiap peralihan F2nya yang menuruti bunyi-bunyi vokal yang berjiran dengannya serta frekuensi-frekuensi komponen-komponen bunyi bising yang hadir bersama (Borden et al., 1994).

Umumnya, ruang akustik antara F1 dan F2 mampu memberikan gambaran maklumat penentu kepada jenis vokal dan juga diftong. F1 yang rendah adalah penanda yang merujuk kepada vokal-vokal sempit (misalnya [i, u]) manakala tingginya F1 merujuk kepada vokal-vokal luas (misalnya [a, \square]). F2 dirujuk sebagai penanda kepada vokal depan (misalnya [i, e, E, α]) atau vokal belakang (misalnya [u, o, \square , \square]), di samping berguna untuk menyerlahkan kehadiran bunyi-bunyi nasal, membeza-bezakan setiap satu bunyi-bunyi separuh vokal dan juga bunyi-bunyi diftong. Kedudukan tinggi-rendah F2 pada hakikatnya bergantung kepada keadaan luas atau sempitnya rongga mulut yang pada dasarnya bergantung kepada keadaan rapat-renggangnya lidah dengan langit mulut. F2 akan menjadi tinggi sekiranya ruang rongga mulut berkeadaan sempit (dengan kata lain, lidah naik ke atas dan hampir mencecah mencecah langit mulut). F2 menjadi rendah apabila berlaku keadaan sebaliknya (iaitu ruang rongga mulut menjadi luas atau lebih terbuka).

Peralihan F2 (peralihan jalinan jalur hitam yang membentuk F2 atau *F2 transition*) bagi bunyi vokal, separuh vokal dan diftong berbeza kerana F2 bagi bunyi-bunyi vokal bersifat mendatar sedangkan F2 bunyi-bunyi separuh vokal dan diftong pula berbentuk lengkungan (iaitu tidak mendatar). Peralihan menaik atau menurun formant yang membentuk lengkungan

F2, yang melambangkan kehadiran bunyi-bunyi separuh vokal dan juga bunyi-bunyi diftong itu, adalah gambaran kepada hakikat penggeluncuran lidah. Penggeluncuran lidah untuk penghasilan bunyi-bunyi separuh vokal tidaklah serigid bunyi-bunyi diftong. Peralihan F2 bagi setiap satu separuh vokal adalah berbeza. F2 yang menaik merujuk kepada bunyi /y/, manakala bunyi /λ/ dan /p/ agak sedikit menaik/serdana, dan bunyi /w/ pula paling menurun F2 nya. Bunyi [l] dan [r] juga sekelompok dengan bunyi [w] dan [y] kerana ciri-ciri peralihan forman yang hampir sama (membentuk geluncuran bunyi yang hampir sama)

F3 berkepentingan di sini sebagai sebahagian daripada penanda-penanda yang merujuk kepada bunyi-bunyi separuh vokal dan juga nasal. Ia penting untuk membezakan perletakan sentuhan hujung lidah dalam proses pembentukan bunyi [λ] dan [p] (sebagai sebahagian daripada bunyi-bunyi separuh vokal). Dalam kes penghasilan bunyi-bunyi nasal pula, keadaan F3 semacam kabur atau tidak wujud langsung dalam spektrogram.

Peralihan F2 menuruti forman vokal yang bersebelahan dengannya juga merupakan penanda yang merujuk kepada bunyi-bunyi aperiodik. Ciri-ciri peralihan F2 serta kekerapan talunan komponen bunyi bisung turut menjadi unsur-unsur yang menentukan pengkelasan bunyi-bunyi F2. Peralihan F2 di lokus tinggi ditentukan sebagai hasil pengartikulasian di bahagian alveolar, kerendahan lokus peralihan F2 pula merujuk kepada pengartikulasian di daerah labial. Bagaimanapun, keadaan ini agak berbeza dengan pengartikulasian yang melibatkan bahagian velar (termasuk juga palatal). Dalam hal ini, peralihan F2 tidak menuruti forman vokal yang bersebelahan dengannya. Kedudukan lokusnya pula adalah antara lokus bagi penanda daerah alveolar dengan lokus bagi penanda daerah labial.

PENELITIAN KONSONAN PLOSIF DAN FRIKATIF

Bunyi plosif adalah bunyi konsonan yang paling kerap wujud dalam bahasa-bahasa di dunia (lihat Henton *et al.* 1992, Ladefoged *et al.* 1996 dan Kent *et al.* 2002). Bunyi plosif /p, b, t, d, k, g/ juga adalah bunyi yang paling lazim dikaji berbanding dengan bunyi-bunyi lain. Antara faktor utama yang menyebabkan ia sering menjadi bahan kajian ialah kekhususan ciri-ciri akustiknya (*acoustical characteristics*) dan isyarat-isyarat akustiknya (*acoustic cues*) yang terserlah dengan bantuan konteks persekitaran kewujudannya. Tegasnya, isyarat-isyarat akustik bunyi plosif dapat disaksikan dengan melihat keseluruhan keadaan akustik persempadanan antara bunyi plosif tersebut dengan bunyi yang bersebelahan dengannya, sama ada vokal atau konsonan. Bagaimanapun, kertas kerja ini hanya memberi tumpuan khusus kepada isyarat-isyarat akustik bunyi plosif yang amat berkait-erat dengan fenomena realisasi kontras penyuarannya sahaja. Sifat-sifatnya yang sedemikian bukan sahaja membezakannya dengan kelompok bunyi bahasa yang lain (bunyi frikatif, misalnya) malahan antara bunyi-bunyi dalam kelompok bunyi plosif itu sendiri. Keadaan sedemikian sangat membantu para pendengar untuk menanggapi gelombang-gelombang pertuturan dengan jelas dan mudah. Sesungguhnya, pendengar (penerima gelombang pertuturan) dapat menanggapi bunyi plosif (serta bunyi yang bersebelahannya) berdasarkan pertalian atau rangkaian antara bunyi plosif tersebut dengan bunyi yang mendahului atau mengikutinya.

Tempoh Sela Suara (*Voice Onset Time/VOT*) adalah satu-satunya nilai ukuran yang dapat diperoleh dalam kajian ke atas bunyi plosif yang hadir di posisi awal kata. Menurut Lisker

et al. (1964) VOT merujuk kepada maklumat tentang jangkamasa sela antara mulanya pelepasan sekatan sehingga ketika mulanya penyuaran. Dengan kata lain, ia membekalkan maklumat tempoh sela (dalam kiraan jangkamasa permillisaat) antara sekatan bunyi plosif dilepaskan dengan saat permulaan pita suara bergetar.

Maklumat dari VOT ini amat penting bagi mengenalpasti kontras penyuaran bunyi plosif khususnya di lingkungan awal kata. Dengan kata lain, kepelbagaian bunyi plosif bukan sahaja disebabkan perbezaan daerah artikulasinya malahan juga kerana kontras penyuarannya, iaitu bunyi bahasa bersuara atau tak bersuara. Umumnya, /p, t, k/ dikenali sebagai bunyi plosif tak bersuara manakala /b, d, g/ adalah bunyi plosif bersuara. Kontras penyuaran bunyi plosif ini dapat diserlah dengan maklumat VOT.

Bunyi plosif boleh dikategorikan sebagai sama ada memiliki VOT panjang (*Long Voicing Lag*; LVL), VOT singkat/serta-merta (*Short Voicing Lag*; SVL) atau VOT awalan (*Voicing Lead*; VLd). LVL merujuk kepada sela masa penyuaran (selepas pelepasan sekatan) yang panjang (lazimnya sekitar atau melebihi 35 ms (lihat Kent, et al. 2002). SVL membawa maksud sela masa penyuaran (selepas pelepasan sekatan) yang singkat (lazimnya kurang dari 30ms) atau penyuaran bermula serentak dengan pelepasan sekatan, manakala VLd pula merujuk kepada sela masa penyuaran yang berlaku sebelum pelepasan sekatan. Nilai VLd diberi tanda 'negatif' berbanding dengan jenis-jenis VOT lain (Lisker *et al.* 1964).

Penyelidikan terhadap bunyi plosif BM di lingkungan tengah kata (antara dua vokal) pula meliputi analisis ke atas Nilai-Panjang Vokal (VD), Jeda Sekatan (CD), Penyuaran Sewaktu Sekatan (VC) di samping VOT. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa VD secara relatifnya panjang apabila mendahului bunyi plosif bersuara dan lebih singkat apabila mendahului bunyi plosif tak bersuara, manakala nilai CD secara relatifnya lebih panjang bagi bunyi plosif tak bersuara dan menjadi sebaliknya bagi bunyi plosif bersuara. Penemuan yang diperoleh menerusi kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa nilai CD bagi bahasa Inggeris /p/, /b/, /t/, /d/, /k/ dan /g/ masing-masing ialah 117.64(ms), 85.58(ms), 102.04(ms), 68.59(ms), 113.09 (ms) dan 79.97(ms). Ringkasnya, nilai CD bagi bunyi plosif tak bersuara (bahasa Inggeris) sentiasa lebih tinggi daripada bunyi plosif bersuara. Penyuaran Sewaktu Sekatan (VC) pula kepada kehadiran Palang Suara (*voice bar*/VB) yang wujud dalam ruang CD bagi bunyi plosif bersuara sahaja. Secara akustiknya (berasaskan spektrogram), VB terserlah sebagai jaluran melintang berhampiran dasar spektrogram yang merujuk kepada kewujudan tenaga akustik berfrekuensi rendah sebelum sekatan dilepaskan.

Kajian lepas menunjukkan bahawa bunyi frikatif uvular ini adalah penggantian kepada bunyi getaran alveolar dalam bahasa Melayu standard, dan ia dikatakan tidak wujud dalam mana-mana dialek Melayu lain. Bunyi frikatif uvular yang dihasilkan oleh subjek kajian dilihat sebagai penemuan yang dominan bagi penutur subdialek Kedah Pesisiran.

KAEDAH GIS DALAM MENDEPANI CABARAN PENCERAKINAN DIALEK MASA KINI

Kajian dialektologi melalui kaedah secara manual menunjukkan perkembangan yang positif sehingga melahirkan ramai tokoh pengkaji pada masa lalu. Usaha ini diteruskan lagi dengan rancak menerusi penerapan perisian aplikasi GIS. Penggunaan GIS bertujuan bagi

menghasilkan pemetaan dialek yang lebih tepat dan terperinci. Menurut Goodchild (1993), GIS mendapati kegunaan dalam pengurusan kemudahan, analisis dan pemodelan data geografi, manipulasi maklumat untuk membuat peta dan pengurusan sumber semula jadi. Onishi (2007) berpendapat bahawa:

The application of GIS to the geographical distribution of dialectal forms is highly valuable and more attempts should be made for analyzing the objective description of dialect distribution.

Onishi (2010) seterusnya berjaya membuktikan pelbagai hasil peta distribusi dialek di Jepun. Antara hasil dapatan peta yang berjaya dikeluarkan ialah peta grafik 3D yang dapat memberi gambaran tentang akhiran negatif 'negative suffix' /-in/ dan /-n/ dialek Jepun dalam batas kawasan kajian yang ditelitinya.

Teerarojanarat & Tingsabadh (2011) turut memperkenalkan GIS sebagai salah satu pendekatan untuk menentukan isoglos atau sempadan sesebuah dialek. Teerarojanarat & Tingsabadh (2011) mengumpulkan data daripada leksikal bahasa Thailand iaitu sebanyak 170 leksikal yang diperolehi melalui kaedah soal selidik. Data yang diperolehi dianalisis dan diproses dengan menggunakan perisian GIS kerana kemampuan perisian ini menghasilkan peta yang memiliki pola, sempadan politik, ciri-ciri topografi dan unsur geografi. Mereka telah membuat pembahagian sempadan dialek iaitu 'central and non-central of Thai' yang dipetakan berdasarkan penggunaan leksikal yang berbeza ke dalam perisian GIS. Bukan itu sahaja kaedah 'overlay' juga diterapkan bagi melihat gejala penggunaan leksikal yang sama dan bertindih antara sesuatu kawasan dengan kawasan yang dikaji.

Kaedah ini sering kali digunakan para pengkaji tempatan dewasa ini untuk meneliti persebaran variasi dialek Melayu secara tepat. Pada masa kini, penerapan aplikasi GIS dalam variasi dialek dianggap sangat signifikan bagi mengenal pasti gejala linguistik yang berlaku terhadap sesebuah kawasan, di samping dapat menghuraikan faktor-faktor yang berlaku ke atas peta linguistik berkenaan. Antara lainnya termasuklah Siti Noraini Hamzah et al. (2014), Nor Hashimah Jalaluddin (2015, 2016), dan Shahidi et al. (2020).

Shahidi dan rakan-rakannya pada tahun 2020, sebagai misalannya, telah cuba menyerlahkan peta variasi Dialek Terengganu yang wujud di Lembangan Sungai Terengganu dengan mengaplikasikan perisian GIS. Variasi leksikal 'aku', 'kamu' dan 'mereka' yang berfungsi sebagai subjek dalam ujaran yang dituturkan oleh masyarakat kampung yang tinggal di sepanjang Lembangan Sungai Terengganu dimanfaatkan sepenuhnya dalam memenuhi objektif kajian ini. Kajian ini menerapkan kaedah kajian lapangan yang melibatkan teknik temu bual informan dan rakaman. Aspek geolinguistik dan bukan linguistik telah dikemukakan dalam makalah ini bagi mengukuhkan kewujudan isoglos bagi lapan varian dialek kawasan yang merangkumi varian Makam Lama, varian Tajin, varian Butut, varian Pauh, varian Bidur, varian Kuala Pueh, varian Jenagor dan varian Baung. Taburan varian untuk kebanyakan kawasan kajian di sepanjang LST adalah berbeza mengikut pengaruh pertuturan penuturnya dengan keadaan geografi kawasan kajian. Ringkasya, penyebaran sesuatu dialek adalah sangat dipengaruhi oleh keadaan geografi atau bentuk muka bumi di persekitaran kawasan kajian seperti lembangan sungai, bukit bukau, hutan, bertanah pamah dan tasik. Dapatan kajian juga membuktikan tiada sebarang penemuan dialek luar atau bahasa Orang Asli di di sepanjang

Lembangan Sungai Terengganu. Kajian ini memberi implikasi kepada penambahan kosa ilmu linguistik khususnya bidang kajian Geografi Dialek, di samping mempertingkatkan kefahaman tentang variasi dialek Melayu dalam pendidikan variasi bahasa/dialek Melayu di sekolah, universiti dan kementerian pendidikan. Kajian ini adalah signifikan kepada para ahli linguistik Melayu yang berusaha meneruskan legasi pengkajian dialek di Malaysia dan kelestarian budaya Melayu.

KESIMPULAN

Penelitian ke atas variasi dialek menemukan kita dengan hakikat bahawa setiap variasi bunyi bahasa menyerlahkan ciri-ciri akustik yang berbeza antara satu sama lain. Dalam hal ini, kita menanggapi atau menginterpretasi sesuatu variasi itu berasaskan maklumat akustik tertentu. Maklumat-maklumat dapat dikenal pasti menerusi kaedah analisis spektrogram. Dengan hal demikian maka ilmu dialektologi pada masa kini turut memerlukan maklumat input akustik bagi tujuan pencerakinan variasi dialek Melayu.

Dapatlah ditegaskan di sini bahawa kaedah dan pendekatan dalam penelitian variasi dialek Melayu telah berkembang seiring dengan perkembangan dan kemajuan teknologi di Malaysia. Hakikat ini terbukti dengan semakin rancaknya perkembangan kajian ini berasaskan kaedah analisis spektrogram dan yang lebih menarik lagi apabila kaedah ini dihubungkan dengan kaedah paparan pemetaan yang canggih dan tepat iaitu menerusi aplikasi GIS. Penggunaan GIS dalam pengkajian dialek ternyata banyak membantu dan memudahkan pengkajian serta amat wajar diperluaskan lagi dalam kajian Linguistik.

Hakikatnya, kajian dialek berteknologi moden wajar diteruskan dan dikembangkan lagi agar dapat menarik minat generasi masa kini dan akan datang untuk mengetahui, memahami serta mempertahankan variasi dialek yang wujud di Malaysia. Ini kerana, dialektologi tanpa sifat multidisiplin dan cakna perkembangan arus pemodenan mampu menatijahkan hilangnya minat generasi muda akan jati diri bahasa ibundanya. Sekiranya situasi ini dibiarkan berterusan maka dikhuatiri budaya dan bahasa Melayu tidak lagi dikenali apatah lagi untuk disanjung tinggi. Apatah lagi apabila kelestarian budaya tidak terbela dan bahasa ibunda tidak lagi bersifat asli seperti dahulu, sekaligus memadamkan pepatah Melayu 'Bahasa Jiwa Bangsa' dari kamus minda penutur Melayu.

RUJUKAN

- Abramson, A.S. 2003. Acoustic cues to word-initial stop length in Pattani Malay. *Proceeding of the 15th International Congress of Phonetic Sciences*. 387-390.
- Ajid Che Kob .1985. *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ajid Che Kob. 2006. Dialektologi. Dlm. Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman (pnyt.). *Linguistik Melayu*, hlm. 127-141. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ajid Che Kob & Farid M. Onn. 1993. *Simposium dialek: penyelidikan dan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Borden, G.J., Harris, K.S. & Raphael, L.J. (1994). *Speech science primer: physiology, acoustics, and perception of speech*. 3rd edn. USA: Williams & Wilkins.
- Chambers, J. K. dan Trudgill, P. 1990. *Dialektologi*. (pntrj). Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. 1993. *Tamadun Melayu dan Dialektologi*. *Jurnal Dewan Bahasa* 1: 4-15.
- Goodchild, M. F. 1993. *Geographic Information Systems and Environmental Modeling*. California: University of California.
- Habibah. 2019. Dialektologi Hulu Perak Utara: Implementasi Sinkronik. *Jurnal Linguistik*. 23(2): 061-082.
- Henton, C., Ladefoged, P., & Maddieson, I. 1992. Stops in the world's languages. *Phonetica*. 49 (2). 65-101.
- Ismail Hussein. 1973. Malay Dialects in Peninsular. *Nusantara*. 3: 69-79.
- Jaludin Chuchu. 2002. *Morphology of Brunei Malay*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmin & Shahidi. 2016. Pemerian Akustik Bunyi Frikatif Uvular Subdialek Kedah Persisiran. Dalam Shahidi A.Hamid, & Ali Salman (peny.) *Ilmu Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Menjana Peradaban Insan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kent, R. D., & Read, C. 2002. *The acoustic analysis of speech*. 2nd Edition. United Kingdom: Singular Thomson Learning.
- Ladefoged, P. & Maddieson I. 1996. *The sounds of the world's language*. UK: Blackwell Publisher.
- Lisker, L. & Abramson, A.S. 1964. A cross-language study of voicing in initial stops: acoustical measurements. *Word*. Vol. 20. 384-422.
- Mohd Ali Salim .2015. *Dialek Melayu Sarawak. Perkataan, ayat dan perbualan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin 2015. Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jil. 8 Bil. 2: 310-330.
- Nor Hashimah Jalaluddin et al. 2016. Variasi Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 16(1), February: 109-123.
- Norhaniza A. K., Shahidi A. H., Rahim Aman. (2021). Realisasi kontras penyuaran bunyi plosif awal kata dialek Melayu Patani Lenggong. *Jurnal Melayu*. 20(1): 126-141.
- Nothofer, B. 1997. *Dialek Melayu Bangka*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Onishi, T. 2007. Application of GIS Technology to Studies in Japanese Dialectology. *Linguistica atlantica* Nos 27-28 (2006-2007): 76-80.
- _____. 2010. Analyzing Dialectological Distribution of Japanese. Dlm. *Dialectologia*, Special Issue I: 123-135.
- Rahim Aman. 2008. *Linguistik bandingan bahasa Bidayuhik*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahidi A.H. & Mumad CheLaeh. 2021. Pemanjangan Konsonan dalam Dialek Patani. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 20(3). 181-198.

- Shahidi A.H & Rahim Aman .2010. Pengaruh dialek dalam pertuturan bahasa Melayu standard: pencerakinan bunyi berasaskan spektrogram. *Jurnal Bahasa* 10 (12) 287-297.
- Shahidi A.H., Ain Atiqah Latiff, Muhammad Syahmi Syabri, & Ridhuan Makhtar. 2020. Penelitian Akustik Dialek Kedah. *Jurnal Melayu Isu Khas* 2020. 577-594.
- Shahidi A.H., Nurul Huda Ariffin & Rahim Aman. 2021. Dialek Perak Varian Kuala Kangsar: Satu Pemerian Fonetik Akustik. *Jurnal Melayu, Isu Khas*, 602-634.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2014. Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik* Vol. 18(2) Disember : 30-46.
- Teerarojanarat, S. & Tingsabadh, K. 2011a. Using GIS for Linguistic Study: a Case of Dialect Change in the Northeastern Region of Thailand. Dlm. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 21: 362-371.
- Yusriadi. 2007. *Dialek Melayu Ulu Kapuas Kalimantan Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata penulis:

Shahidi A.H. (PhD) merupakan Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Dialektologi Melayu, Fonetik Akustik dan Pembelajaran Bahasa Kedua.

Mohamad Firdaus Azaharuddin (MPhil) merupakan mantan pelajar pascasiswazah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Dialektologi Melayu.

Rahim Aman (PhD) merupakan Profesor di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Linguistik Sejarah dan Dialektologi.